



31 Disember 2024
Kenyataan Media

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM MENYOKONG PENUH KERJASAMA JPJ DAN KPDN DALAM MENANGANI ISU SEWA KOMPONEN KENDERAAN PERDAGANGAN

Shah Alam, 31 Disember 2024 — Pemeriksaan oleh PUSPAKOM Sdn Bhd ("PUSPAKOM") terhadap sebuah lori yang terlibat dalam nahas di Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Ayer Keroh pada 23 Disember lalu mendapati ada kemungkinan bahawa tayar kenderaan tersebut tercabut akibat daripada kerosakan pada hujung "stub axle" yang terputus di gandar hadapan.

Kenderaan tersebut merupakan sebuah lori berjenama Foton yang baharu, yang di perbuat pada tahun 2023. Kenderaan tersebut telah melakukan Pemeriksaan Awalan di PUSPAKOM pada 28 Mac 2024 lepas dan tarikh pemeriksaan yang akan datang akan dijalankan pada 28 Mac 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, menyifatkan penemuan ini sebagai peringatan penting kepada pemilik kenderaan perdagangan untuk memastikan kenderaan mereka diselenggara dengan baik dan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Penyelenggaraan secara berkala bukan sahaja penting untuk keselamatan pemandu tetapi juga bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya. PUSPAKOM turut komited untuk meneliti dan memperketatkan tatacara operasi kami bagi memastikan setiap kenderaan yang diperiksa memenuhi piawaian keselamatan yang lebih tinggi," kata Mahmood.

PUSPAKOM juga menyatakan sokongan penuh terhadap kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ"), Datuk Aedy Fadly Ramli, yang memaklumkan bahawa JPJ akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ("KPDN") serta pihak berkuasa tempatan ("PBT"), untuk memeriksa dan memantau bengkel berdaftar serta bengkel yang tidak berlesen yang disyaki menyediakan perkhidmatan penyewaan komponen kenderaan bagi tujuan pemeriksaan di pusat pemeriksaan kenderaan.

Mahmood menyifatkan langkah tersebut sebagai tindakan terpuji yang mampu menyelamatkan lebih banyak nyawa di atas jalan raya Malaysia.

"Operasi ini wajar disokong oleh semua rakyat Malaysia, termasuk pemilik kenderaan perdagangan, bagi memastikan keselamatan bersama di jalan raya. Kami berharap



tindakan JPJ dan KPND dapat menghapuskan bengkel-bengkel yang menjalankan perniagaan tidak bertanggungjawab ini,” kata Mahmood.

PUSPAKOM juga menyarankan bengkel yang terlibat dalam perkhidmatan seperti ini untuk menghentikan aktiviti mereka serta merta, demi melindungi nyawa orang ramai.

Mahmood menambah, “Bengkel-bengkel yang menawarkan perkhidmatan ini perlu sedar bahawa mereka mempertaruhkan nyawa demi keuntungan. Oleh itu, kami menyeru agar mereka menghentikan aktiviti tidak bertanggungjawab ini dengan segera.”

Seterusnya, PUSPAKOM menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan JPJ dan KPND dalam usaha pemantauan bagi memastikan integriti lebih terjamin dan masalah ini dapat diatasi dengan segera.

Dalam masa yang sama, PUSPAKOM turut mengumumkan bahawa syarikat itu tidak lagi akan berkompromi dalam isu pematuhan SOP. Sebagai contoh, nama syarikat yang dicetak pada badan kenderaan perdagangan mesti menggunakan nama penuh yang didaftarkan dalam sistem; singkatan tidak lagi dibenarkan.

Selain itu, pemilik kenderaan perdagangan perlu memastikan ketinggian pelindung lumpur (“mudguard”) mematuhi syarat ketinggian minimum, pedal-pedal kenderaan dilengkapi dengan pelapik getah, dan nombor plat kenderaan ditimbulkan (“embossed”) untuk mendapat kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM.

PUSPAKOM kekal komited dalam memastikan keselamatan jalan raya dan integriti pemeriksaan kenderaan di Malaysia sentiasa terjamin. PUSPAKOM percaya bahawa kerjasama ini akan membawa manfaat besar kepada semua pengguna jalan raya.

#TAMAT#

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Siti Khasiah Noor Khairuddin

Ketua Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03-2052 7769 H/P: 012 – 382 8550

Mohd Izzat Intanjudin

Penolong Pengurus, Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03-2052 7464 H/P: 018 – 666 2808



MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

Kami mempunyai rangkaian 53 pusat pemeriksaan di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai 30 tapak lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM termasuk Unit Bergerak Trak (10 unit), Unit Bergerak Van (36 unit), dan Unit Bergerak Ringan (4 unit), yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami berbangga dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap, dan tepat secara profesional.